

BULLETIN DARIPADA PEJABAT Y.B. SIM TZE TZIN - ADUN PANTAI JEREJAK.



ADUN Pantai Jerejak YB Sim Tze Tzin mendapat pujian daripada Speaker Dewan Undangan Negeri dalam perbahasan ucapan Tuan Yang Terutama Pulau Pinang. Menerusi ucapannya, YB Sim mengupas maksud sebenar politik pelbagai kaum dan masyarakat pelbagai kaum menjangkau fahaman politik.

<http://www.simformalaysia.com/2008/07/24/my-first-speech-at-the-dewan/>

"Party pelbagai kaum bukan sekadar parti yang mempunyai pelbagai bangsa semata-mata.

Maksud sebenar multiracial adalah, orang Cina dapat memahami permasalahan orang Melayu, orang Melayu mampu memahami hati budi orang India, dan orang India faham akal dan fikrah orang Cina."

"Hidup dalam keadaan pelbagai budaya adalah norma hidup kita. Dan ini bukanlah sesuatu yang asing dengan kita, kepelbagaian bukanlah fahaman yang diimplot dari Barat semata-mata. 'Kesatuan dalam kepelbagaian' adalah warisan kita."



YB Tuan Speaker Abdul Halim Hussain memetik ucapan tersebut sebagai "Bernas, memenuhi kehendak rakyat dan tidak berbau politik...boleh dikira terbaik sehingga hari ini."

<http://www.simformalaysia.com/2008/07/31/the-sun-sim-earns-speakers-praise/>

YB Sim juga telah dianugerahkan "ADUN Baru Terbaik" oleh dua akhbar harian berbahasa Cina iaitu Kwong Wah Yit Poh dan Guang Ming Daily sepanjang berlangsungnya sidang dewan .

<http://www.guangming.com.my/node/31093?tid=23>

Menerusi ucapan penangguhannya, beliau telah menarik perhatian dewan berkenaan isu banjir kilat yang kerap berlaku di KADUN Pantai Jerejak yang meliputi Bayan Baru. Menerusi ucapannya juga, beliau "merayu bahawa pihak berkuasa yang terlibat dalam kerja-kerja penebatan banjir termasuk Pejabat Daerah, Jabatan Parit dan Saliran, MPPP dan JKR bekerjasama mengadakan kajian khas terhadap gejala banjir kilat di kawasan KADUN Pantai Jerejak."

<http://www.simformalaysia.com/2008/07/31/ucapan-penanguhan-masalah-banjir-di-kadun-pantai-jerejak/>

Selepas pengumuman Datuk Seri Anwar untuk bertanding pilihanraya kecil Permatang Pauh, YB Sim akan turut serta bergiat dalam kempen beliau. Ahli-ahli dan penyokong-penyokong juga diseru bersiap sedia untuk berkempen di Permatang Pauh.



Ayuh kita sama-sama
hantar bakal
PERDANA MENTERI
menuju ke Putrajaya !

